

MAHATHIR- UNIT

1981

KUALA LUMPUR, 23 APRIL (BERNAMA) -- KERAJAAN BERSETUJU MENUBUHKAN SEBUAH UNIT PUSAT +SEKALI HARUNG+ UNTUK MENYEDIAKAN BERBAGAI -BAGAI MAKLUMAT DAN KHIDMAT BAGI PARA PEMBORONG BINAAN BUMIPUTERA, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

UNIT ITU KELAK TIDAK AKAN DITEMPATKAN DI PEJABAT KERAJAAN TETAPI DI TENGAH-TENGAH PUSAT BANDAR SUPAYA IA BERORIENTASIKAN PERNIAGAAN DAN MENGURANGKAN KERENAH PEJABAT, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN BERSETUJU MENUBUHKAN UNIT ITU EKORAN SYOR PERSATUAN PEMBORONG BUMIPUTERA DAN SETELAH UNIT PEMODENAN PENTADBIRAN DAN PERANCANGAN TENAGA MENUSIA (MAMPU) MEMPERAKUKANNYA.

PEJABAT PERTAMA UNIT YANG BAKAL DITUBUHKAN ITU AKAN DITEMPATKAN DI PUSAT BANDAR KUALA LUMPUR DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG SAMA AKAN DISEDIAKAN DI SETIAP IBU NEGERI KEMUDIANNYA.

BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN PENYERTAAN BUMIPUTERA DI BIDANG PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN DI SINI BELIAU BERKATA USAHA TERBARU ITU MERUPAKAN SATU LAGI IKHTIAR KERAJAAN MENAMBAHKAN PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM BIDANG-BIDANG TERSEBUT. -- BERSAMBUNG 1410/SZ

B529

MAHATHIR-UNIT 2 KUALA LUMPUR

TUGAS UNIT ITU KELAK KEPADA PARA PEMBORONG BUMIPUTERA TIDAK UBAH SEPERTI PERANAN LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (MIDA) DALAM MENARIK PELABORAN ASING, KATANYA.

MISALNYA DARI SEGI MAKLUMAT TENTANG TENDER-TENDER PROJEK PEMBINAAN, UNIT ITU AKAN MENGESAN JUMLAH KONTRAK DITAWARKAN DALAM SETAHUN DAN MENETAPKAN MANA-MANA PEMBORONG YANG DIFIKIRKAN MAMPU MENERIMA TUGAS ITU MENGIKUT JADUAL.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA UNIT PENYERTAAN BUMIPUTERA DI KEMENTERIANNYA IALAH BADAN TERTUA DAN DIANGGAP SEBAGAI PALING BERKESAN UNTUK TUJUAN BERKENAAN DIANTARA LAIN-LAIN AGENSI UNTUK MAKSUD YANG SAMA.

BELIAU MENGAKUI JAWATANKUASA PENYERTAAN BUMIPUTERA YANG BELIAU SENDIRI Pengerusnya dan lain-lain anggotanya terdiri dari menteri-menteri besar, ketua-ketua menteri serta pegawai-pegawai tinggi kerajaan, tidak begitu berkesan. -- BERSAMBUNG 1413/SZ

B530

MAHATHIR-UNIT 3 KUALA LUMPUR

+JAWATANKUASA PENYERTAAN BUMIPUTERA YANG SAYA SENDIRI Pengerusikan dan para ahlinya terdiri dari para menteri besar dan ketua menteri itu terlalu berat di atas menyebabkan ia tidak begitu berkesan dari segi pelaksanaan walaupun ia dapat menyediakan hasrat politiknya.+

Untuk mengatasi keadaan ini kerajaan menubuhkan pula Jawatankuasa Penyelarasan Penyertaan Bumiputera dipengerusikan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian itu, Encik Abdul Rahim Datuk Thamby Chik.

Jawatankuasa Penyelarasan itu ditubuhkan pada 26 Januari tahun ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan jawatankuasa itu mesti membuktikan bahawa ia cergas dan berminat dalam tugasnya.

Beliau mahukan laporan-laporan kemajuan dari masa ke semasa dari jawatankuasa itu serta catatan tentang sumbangan-sumbangan bernas dari ahli-ahlinya. -- BERSAMBUNG 1415/SZ

MAHATHIR-UNIT 4 KUALA LUMPUR

2/1/82
Kepada bumiputera pula, Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan mereka bahawa kewujudan jawatankuasa itu tidak bererti segala masalah bumiputera untuk menceburi perdagangan dan perindustrian akan beres.

Beliau mengingatkan kepentingan bumiputera akan lenyap serta-merta jika kerajaan yang tidak bersimpat dengan mereka berkuasa kelak.

Kejayaan bumiputera dalam perniagaan dan perindustrian ditentukan oleh bumiputera sendiri dengan berpegang kepada disiplin, kecekapan pengurusan dan ketertiban perniagaan.

Dalam ucapannya pula, Encik Abdul Rahim mengumumkan akan menubuhkan sebuah pasukan petugas khas bagi berdialog dengan pihak swasta terutama pengeluar-pengeluar dan syarikat-syarikat besar.

Hasil dialog itu akan dianalisa dan dikumpulkan hingga menjadi satu dokumen berupa skim menyeluruh sektor swasta dalam menyahut seruan-seruan kerajaan terhadap dasar ekonomi baru.

— BERNAMA 1417/SZ